



ROOSFA (lima dari kanan) bergambar kenangan bersama peserta kursus.

55 pensyarah UMS sertai Kursus Penerbitan Buku

UB 14-02-2012 46

LABUAN: Seramai 55 pensyarah Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan UMS, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) sedang mengikuti Kursus Penerbitan Buku 2012 di Bilik Mesyuarat Eksekutif Tingkat 11, Bangunan Menara UMS-KAL.

Kursus dua hari itu dikendalikan oleh Pensyarah di Pusat Pengajian Umum Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Dr Roosfa Hashim.

Beliau pernah menjadi wartawan dan penerbit buku di Kuala Lumpur dan Petaling Jaya serta menulis dan menerbitkan biografi tokoh-tokoh

di Malaysia.

Antara objektif kursus pada 13-14 Februari itu ialah menggalakkan kegiatan penerbitan, meningkatkan KPI pensyarah melalui penerbitan buku.

Selain itu, untuk meningkatkan citra dalam penerbitan buku ilmiah, memperbanyakkan terbitan buku ilmiah dan menyumbangkan idea serta sumbangan ilmu akademik kepada masyarakat setempat.

Kursus itu dikendalikan oleh Jabatan Pendaftar dan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL).